

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الْمُنَّجِدُوْنَ دِيْنَهُمْ لِعَبَا وَلَهُوَا وَغَرَّهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرٌ
 يَعِيْهَا أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُوْبِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ
 وَإِنْ تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أَبْسَلُوا بِمَا كَسَبُوا
 لَهُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ (v. 70)

(Surah al-An'am: Ayat 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Jelaskan dua bentuk perbuatan mempersendakan Islam. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dua cara menjaga kesucian Islam selain daripada mengamalkan amar makruf nahi mungkar. [2 markah]
- Sekumpulan remaja Muslim makan tengah hari di hadapan khalayak ramai pada bulan Ramadan.
- (iii) Bincangkan tindakan yang perlu diambil untuk menangani situasi di atas? [2 markah]
 - (iv) Mengapakah perkara di atas berlaku? Huraikan. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَبْعَةٌ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَسَأً فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعْلَقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلٌ حَلَانِ تَحَاجَبًا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَ عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَ عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِيمَاهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًّا فَقَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tujuh golongan yang dinaungi Allah SWT termasuk pemimpin yang adil.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud pemimpin yang adil? [2 markah]

Firman Allah SWT:

“...hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah.”

(Surah al-Ma''idah: Ayat 8)

Rajah 1: Tafsir al-Quran

- (ii) Sebagai pemimpin pelajar, bagaimanakah anda menyahut seruan ayat di atas? [2 markah]

- (iii) Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya perkara di atas tidak diamalkan di sekolah. [4 markah]

- (c) Nyatakan cara bacaan wakaf yang terdapat dalam ayat di bawah.

(1) أُولَئِكَ عَلَى هُدَىٰ مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ⑥

(2) وَيَسْتَحِيُونَ نِسَاءٌ كُلُّ وَفِي ذَلِكُمْ بَلَاءٌ

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

2 (a) (i) Apakah takrif ajaran sesat? [2 markah]

(ii) Jelaskan dua ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [2 markah]

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan ajaran, fahaman dan pegangan ahli GISBH adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran agama Islam...

...ciri penyelewengan lain ialah air basuhan anggota badan pemimpin dan air rendaman seperti rambut dan janggut pemimpin mempunyai berkat.

November 14, 2024

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada bhnews@bharian.com.my.


Rajah 2: Keratan akhbar

(iii) Bagaimanakah anda menghindari diri daripada terlibat dengan fahaman tersebut? [2 markah]

(iv) Pada pandangan anda, mengapakah kerajaan mengharamkan ajaran tersebut? [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud nama Allah SWT al-Raqib? [2 markah]

(ii) Jelaskan bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. [2 markah]



Rajah 3: Aplikasi Media Sosial

(iii) Huraikan tindakan anda sekiranya rakan di sekolah menggunakan aplikasi tersebut dengan cara yang tidak wajar. [2 markah]

(iv) Bincangkan kesan remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan aplikasi di atas dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib. [4 markah]

3 (a) (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 markah]

(ii) Jelaskan syarat sah sembelihan bagi penyembelih. [2 markah]

Kaedah Water Bath Stunning

- Binatang seolah-olah dikhayalkan sebelum proses penyembelihan berlaku.
- Ayam ini akan digantungkan dan kepala akan dicelup ke dalam air yang mengandungi elektrik.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://shorturl.at/bUX5y>

Rajah 4: Kaedah penyembelihan

(iii) Mengapakah kaedah di atas dapat memudahkan proses penyembelihan? Huraikan. [2 markah]


(iv) Huraikan kesan sekiranya kaedah penyembelihan di atas tidak dilaksanakan dengan betul. [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud talak? [2 markah]

(ii) Nyatakan contoh lafaz talak berikut:

(a) Jelas

(b) Kiasan [2 markah]



Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Rajah 5: Perceraian di Malaysia

- (iii) Cadangkan intervensi yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kes tersebut. [2 markah]
- (iv) Berdasarkan statistik di atas, apakah perbezaan data kes perceraian orang Islam di antara negeri-negeri di Malaysia? Huraikan analisis anda. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** fakta sejarah kerajaan Umayyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegembilangan kerajaan Umayyah dalam aspek ketenteraan. [2 markah]

Antara faktor kemerosotan kerajaan Umayyah ialah keruntuhannya moral dalam kalangan khalifah kerajaan Umayyah.

Rajah 6: Faktor kemerosotan kerajaan Umayyah

- (iii) Sebagai bakal pemimpin negara, apakah persediaan yang patut anda lakukan supaya perkara di atas tidak terjadi? [2 markah]
- (iv) Bincangkan kesan sekiranya perkara di atas dibiarkan berleluasa. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Salahuddin al-Ayyubi. [2 markah]

Salahuddin al-Ayyubi terkenal sebagai pemimpin yang sangat prihatin dalam menjaga kebijakan rakyat.

Rajah 7: Peribadi Salahuddin al-Ayyubi

- (iii) Pada pandangan anda, bagaimanakah nilai kepimpinan beliau boleh dipraktikkan oleh murid di sekolah? [2 markah]
- (iv) Huraikan keberkesanannya pendekatan tersebut dalam melaksanakan aktiviti kurikulum di sekolah. [4 markah]

- 5 (a) (i) Apakah maksud *khauf*? [2 markah]
- (ii) Jelaskan hikmah *khauf* dan *raja'*. [2 markah]

Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya, mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun, takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami.”

(Surah al-Anbiya': Ayat 90)

Rajah 8: Tafsir al-Quran

- (iii) Bincangkan cara anda mengaplikasikan maksud ayat di atas dalam kehidupan. [2 markah]

- (iv) Huraikan implikasi terhadap pengabaian amalan di atas? [4 markah]

- (b) (i) Apakah maksud alam sekitar? [2 markah]

- (ii) Terangkan adab menjaga alam sekitar. [2 markah]

Aktiviti pembuangan sisa toksik di negara kita semakin berleluasa dan dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Rajah 9: Pembuangan sisa toksik

- (iii) Cadangkan tindakan yang boleh diambil untuk menangani masalah tersebut. [2 markah]

- (vi) Bincangkan impak terhadap negara sekiranya aktiviti tersebut tidak dibendung. Huraikan hujah anda. [4 markah]

SOALAN MODUL TAMAT